

06/10/2003

Najib lancar buku kenang jasa PM

LANGKAWI: Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak, melancarkan buku kompilasi bergambar *The Wings of An Eagle* bagi mengenang sumbangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap perkembangan Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (Lima) dan pembangunan keseluruhan pulau itu.

Buku itu ditulis bekas Ketua Pengarang Kumpulan *The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP)*, Datuk A Kadir Jasin, pada hari terakhir Lima `03, semalam.

Najib berkata, kesungguhan Perdana Menteri terhadap Lima jelas apabila setiap kali pameran itu diadakan, beliau akan mengunjungi setiap peserta sambil meluangkan masa menerima kunjungan hormat daripada pelbagai pihak.

Katanya, ketika cadangan menganjurkan Lima pada 1991, banyak pihak termasuk kerajaan dan penganjur, ragu-ragu sama ada ia boleh berjaya memandangkan pulau itu kekurangan pelbagai kemudahan.

Najib berkata, atas kesungguhan Dr Mahathir dan kerajaan kepemimpinannya, Lima bukan saja berjaya malah Pulau Langkawi turut pesat membangun melampaui jangkaan.

Najib berharap buku itu akan meninggalkan kesan terhadap pembaca.

Katanya beliau akan menyerahkan buku itu kepada Perdana Menteri tidak lama lagi.

Sementara itu, Kadir berkata, buku itu memaparkan keinginan, kaedah dan komitmen Dr Mahathir dalam memajukan Langkawi daripada sebuah pulau nelayan kepada sebuah pulau peranginan terkenal di seluruh dunia.

"Buku 206 halaman terbitan Mutiara Grafik (M) Sdn Bhd (Mutiara Grafik) adalah titik permulaan bagi saya dalam usaha mencatat sejarah kontemporari negara ini," katanya.